

### AppAuthorise – Soalan Lazim

#### **S1. Apakah AppAuthorise?**

J1. AppAuthorise ialah ciri pengesahan transaksi yang diperlukan untuk pembayaran dan pindahan wang sebanyak RM10,000 dan ke atas kepada penerima bukan kegemaran dalam perbankan HLB Connect Online.

#### **S2. Bagaimanakah cara untuk membolehkan AppAuthorise?**

J2. Mula-mula anda perlu muat turun Aplikasi HLB Connect. Apabila anda log masuk ke Aplikasi HLB Connect untuk kali pertama, anda secara automatik akan diminta untuk membenarkan AppAuthorise pada peranti mudah alih yang anda gunakan untuk log masuk. Jika anda perlu membenarkan AppAuthorise pada peranti mudah alih yang lain, sila rujuk S8 untuk mengetahui tentang langkah-langkahnya.

#### **S3. Adakah saya memerlukan AppAuthorise jika pindahan dana atau pembayaran saya kepada penerima bukan kegemaran berjumlah kurang daripada RM10,000**

J3. Tidak perlu. Untuk pembayaran atau pindahan berjumlah kurang daripada RM10,000, anda boleh meneruskannya dengan menggunakan SMS TAC seperti biasa.

#### **S4. Adakah saya memerlukan AppAuthorise untuk pindahan ke akaun kegemaran jika jumlahnya RM10,000 atau lebih?**

J4. Tidak perlu. AppAuthorise hanya diperlukan untuk pindahan atau pembayaran kepada penerima bukan kegemaran berjumlah RM10,000 atau lebih.

#### **S5. Adakah saya memerlukan AppAuthorise jika pindahan dana atau pembayaran saya kepada penerima kegemaran berjumlah kurang daripada RM10,000**

J5. Tidak. Anda tidak perlukan AppAuthorise untuk pindahan dana atau pembayaran kepada penerima kegemaran.

#### **S6. Bolehkan saya menghentikan AppAuthorise pada Aplikasi HLB Connect?**

J6. Boleh. Walau bagaimanapun, anda tidak akan dapat melaksanakan pindahan dana atau pembayaran melebihi RM10,000 kepada penerima bukan kegemaran melalui perbankan HLB Connect Online. Kami menasihatkan supaya anda membolehkan ciri ini dalam Aplikasi HLB Connect pada peranti utama yang anda bawa bersama-sama anda sepanjang masa.

#### **S7. Sekiranya saya sudah separuh jalan memindahkan dana atau pembayaran berjumlah RM10,000 dan ke atas kepada penerima bukan kegemaran, dan kemudiannya mengetahui bahawa saya tidak memiliki AppAuthorise, bolehkan saya menyimpan transaksi saya dan kembali semula untuk melengkapkan transaksi ini?**

J7. Tidak boleh. Anda perlu memulakan transaksi semula selepas membolehkan AppAuthorise pada peranti mudah alih anda. Untuk mengelakkan masalah ini, kami menggalakkan anda supaya membolehkan ciri AppAuthorise dalam Aplikasi HLB Connect anda pada peranti yang anda bawa bersama-sama anda sepanjang masa.

**S8. Bolehkah saya membenarkan AppAuthorise pada berbilang peranti?**

J8. Tidak boleh. AppAuthorise hanya boleh digunakan pada satu (1) peranti pada suatu masa. Untuk membenarkan AppAuthorise pada peranti kedua, anda perlu menghentikannya pada peranti pertama terlebih dahulu.

Untuk membenarkan/ menghentikan AppAuthorise, log masuk ke Aplikasi HLB Connect dan ketik pada Menu > Tetapan Aplikasi

**S9. Bagaimanakah sekiranya saya terlepas / tidak menerima permintaan/pemberitahuan pengesahan AppAuthorise saya?**

J9. Permintaan pengesahan AppAuthorise akan dihantar ke peranti mudah alih anda (dengan Aplikasi HLB Connect) di mana anda telah membenarkan ciri ini. Permintaan akan dihantar kepada anda setiap kali anda memulakan proses pembayaran / pindahan sebanyak RM10,000 dan ke atas kepada penerima bukan kegemaran.

Jika anda tidak menerima permintaan pengesahan pada peranti mudah alih, berikut ialah antara sebab-sebabnya:

**A. Anda mematikan pemberitahuan pada peranti mudah alih anda.**

Untuk menerima pemberitahuan permintaan pengesahan, ciri pemberitahuan pada peranti mudah alih anda perlu dipasang. Anda masih boleh mengakses permintaan dengan mengetik ikon AppAuthorise pada bahagian bawah skrin pra log masuk Aplikasi HLB Connect anda.

**B. AppAuthorise tidak dibenarkan pada peranti mudah alih yang ada pada anda sekarang.**

Sila pastikan anda membenarkan AppAuthorise pada peranti mudah alih utama yang anda bawa bersama-sama anda sepanjang masa.

**C. Peranti mudah alih anda tiada sambungan internet yang aktif.**

Sila pastikan anda berada dalam kawasan liputan dan mempunyai sambungan internet yang aktif pada peranti mudah alih untuk menerima permintaan pengesahan AppAuthorise.